

# ASWARA LAHIRKAN SARJANA SENI

Kini Aswara juga telah berjaya membangunkan staf akademik, tenaga profesional dan sokongan pelajar hingga berjaya menggondol pelbagai anugerah dalam pertandingan yang disertai di dalam maupun luar negara.

Oleh RASDAN AHMAD  
rasdan\_utusan@yahoo.com

**D**ALAM tempoh 21 tahun penubuhannya, Akademi Seni dan Warisan kebangsaan (Aswara) telah membuktikan sebagai satu-satunya institusi pengajian tinggi seni yang berjaya melahirkan graduan seni yang berkualip. Aswara kini menawarkan pengajian di peringkat sijil hingga tertinggi Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang seni dan budaya.



ASWARA  
MALAYSIA

Inilah juga satu-satunya institut pengajian tinggi negara ini yang menawarkan pengajian dalam bidang seni dan budaya sepenuhnya. Bagi negara ini Aswara adalah sebuah institusi pengajian tinggi seni seperti The Juilliard School of Performing Arts New York, University of Arts London, Korean National University of Arts, Cornell University di Amerika Syarikat atau Nanyang University di Singapura.

Kerajaan telah menubuhkan Akademi Seni Kebangsaan (ASK) yang menawarkan pengajian seni peringkat diploma pada 1994. ASK kemudiannya dinaikkan taraf sebagai Aswara pada 2006. Aswara kini menawarkan pengajian dan penyelidikan dalam bidang kesenian tradisi seperti makyung, wayang kulit dengan membawa adiguru membimbing para pelajar secara amali. Seni perfilman (termasuk animasi), penulisan, muzik dan tarian serta

pengajian pengurusan seni dan budaya antara yang menjadi teras di Aswara.

Kini Aswara juga telah berjaya membangunkan staf akademik, tenaga profesional dan sokongan pelajar hingga berjaya menggondol pelbagai anugerah dalam pertandingan yang disertai di dalam maupun luar negara. Kejayaan ini telah membangkitkan semangat warga Aswara apabila pihak luar mengiktiraf dan memperakui bakat serta hasil kerja seni bermutu yang dilahirkan oleh institusi ini.

Aswara bukan sahaja sebuah institusi pengajian tinggi yang mengeluarkan ijazah maupun diploma sahaja, tetapi juga menyediakan insan seni yang berketrampilan, matang dan berdaya saing khususnya dalam industri kreatif negara ini.

Pencapaian ini telah memenuhi tuntutan dan hasrat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk mengangkat seni budaya Malaysia ke tahap yang mampu memberikan kesan positif dalam membentuk jati diri kepada masyarakat khususnya golongan remaja.

Pada acara konvokesyen Aswara ke-11 yang diadakan di Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya baru-baru ini, Aswara mencatat satu sejarah baharu bagi institusi pengajian tinggi ini apabila buat pertama kali empat graduan dianugerahkan Ijazah Sarjana dalam bidang seni. Pengajian peringkat sarjana yang ditawarkan di Aswara secara tidak langsung membuktikan anjakan yang positif dan kini Aswara juga menawarkan



SEBAHAGIAN daripada graduan Aswara yang berjaya menamatkan pengajian dalam bidang seni pada konvokesyen yang diadakan di Putrajaya 28 November lalu.

pengajian peringkat Ph.D.

Program pengajian pasca siswazah yang diperkenalkan dua tahun lalu ini melibatkan empat orang graduan Ijazah Sarjana Seni dengan dua daripadanya graduan Sarjana Penulisan Kreatif, seorang graduan Sarjana Teater dan seorang lagi pelajar Sarjana Muzik.

Selain Ijazah Sarjana, pada konvokesyen kali ini juga sebanyak 84 orang graduan mendapat Ijazah Sarjana Muda dan 86 graduan berjaya menamatkan pengajian peringkat diploma.

Bagi penerima Ijazah Sarjana Penulisan Kreatif, Siti Jasmina Ibrahim, beliau berbangga menjadi kumpulan pertama graduan Aswara yang menamatkan

pengajian peringkat Ijazah Sarjana selepas menjadi kumpulan pertama graduan Akademi Seni Kebangsaan (ASK) pada 1994.

"Ini merupakan sejarah kedua yang melibatkan saya dalam pergerakan dan kejayaan Aswara selama ini. Saya bersyukur kerana berjaya menyempurnakan pengajian pasca siswazah selama dua tahun bersama tiga lagi rakan yang lain," kata Siti Jasmina.

"Aswara adalah institusi



SITI JASMINA IBRAHIM

pengajian tinggi yang berbeza dengan yang lain, cara pembelajarannya dan fokus terhadap seni sememangnya menjadi keutamaan," jelasnya yang sebelum ini menyambung pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Sementara itu graduan terbaik dan penerima Anugerah Rektor Aswara, Imran Syafiq Mohd. Affandi berkata, perjalanan graduan bidang seni tidaklah semudah yang dijangka, seperti

jugalah pelajar jurusan kedoktoran maupun kejuruteraan masing-masing mempunyai kebolehan masing-masing.

"Apa yang dibanggakan adalah kami mempelajari karya-karya seni tradisional yang hampir pupus dan kami bertanggungjawab untuk menyambung legasi seni tanah air ini. Di Aswara, pelajar-pelajarnya adalah berbilang bangsa, maka secara tidak langsungnya kami belajar kebudayaan dan kesenian pelbagai bangsa," jelas Syafiq yang memperoleh Ijazah Sarjana Muda Seni Tari dengan Kepujian.

Sistem pengajian di Aswara juga berbeza kerana memberi keutamaan sebanyak 60 peratus kepada penciptaan karya seni sementara 40 peratus kepada teori ilmu seni serta disiplin ilmu yang berkaitan. Dengan menguasai teori dan disiplin yang dipelajari secara ilmiah, matlamatnya untuk melahirkan karyawan seni yang bukan sahaja berbakat tetapi berilmu.

Sementara keutamaan 60 peratus penciptaan ini melibatkan proses bimbingan yang berterusan oleh pensyarah yang berpengalaman. Proses ini melibatkan semua tugas setiap semester serta projek tahun akhir pelajar.

Proses tersebut akhirnya berhasil mengeluarkan graduan Aswara yang boleh berkarya dengan baik dalam bidangnya seperti muzik, teater, tari, penulisan, filem dan video, seni halus, serta animasi dan multimedia. Di samping itu terdapat juga graduan Aswara yang berkeupayaan menjadi pengubah muzik, pereka tari, serta tenaga penting dalam pelbagai peringkat produksi teater, serta filem dan video.